



# LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA POLISI PRIVASI SISTEM ePRO3.0



## LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA POLISI PRIVASI SISTEM ePRO3.0

Menjaga privasi pelanggan merupakan salah satu keutamaan yang penting bagi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) bagi mengekalkan kepercayaan dan keyakinan para pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan KEJORA. Oleh sebab itu, KEJORA sangat komited dalam memastikan privasi data peribadi dan maklumat kewangan serta apa-apa maklumat lain yang berkenaan ("Maklumat") yang telah diberikan atau sedang digunakan atau diselenggara oleh KEJORA menerusi sistem perolehan atas talian dikenali sebagai **sistem ePRO3.0** adalah sentiasa dipelihara dan dilindungi pada setiap masa. Polisi Privasi ini menerangkan bagaimana KEJORA mengguna, memproses dan melindungi Maklumat para pelanggannya iaitu yang melibatkan syarikat pembekalan/ syarikat perkhidmatan/ syarikat kontraktor.

Bagi tujuan Polisi Privasi ini, istilah "kami" atau "kita" adalah merujuk kepada KEJORA dan istilah "anda" adalah merujuk kepada semua syarikat pembekalan/ syarikat perkhidmatan/ syarikat kontraktor serta pelawat dan pengguna laman web <https://eperolehan.kejora.gov.my>

### 1. Pengumpulan Maklumat

1.1 Kami mengumpul maklumat daripada anda melalui pelbagai saluran dan sumber, termasuklah Maklumat yang kami terima daripada anda secara langsung atau melalui kebenaran anda, semasa anda melawat laman web kami, semasa anda menyertai tawaran arahan kerja atau sebutharga kami, semasa menggunakan perkhidmatan kami dan melalui sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang -undang.

- 1.2 Maklumat yang dikumpul oleh kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
- (i) Nama, alamat tempat tinggal, emel dan nombor telefon;
  - (ii) Maklumat syarikat yang dikemukakan oleh anda meliputi nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat, alamat perniagaan syarikat, nombor telefon pejabat, maklumat berkaitan Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK),  
Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil CIDB, Sijil Kontraktor Elektrik;
  - (iii) Maklumat kedudukan kewangan Syarikat;
  - (iv) Maklumat GST Syarikat;
  - (v) Maklumat Profil Syarikat; dan
  - (vi) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

## 2. Penggunaan Maklumat

- 2.1 Maklumat yang kami kumpul dan perolehi akan digunakan untuk urusan transaksi berkaitan perolehan di KEJORA termasuk penyediaan maklumat berkaitan sesuatu tawaran arahan kerja atau sebutharga dan juga untuk memberitahu dan mempelawa sesuatu tawaran arahan kerja atau sebutharga.
- 2.2 Walau bagaimanapun, Maklumat anda juga boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, untuk mencegah berlakunya penipuan dan untuk menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan ke atas proses penambahbaikan berterusan perkhidmatan sistem ePRO3.0.
- 2.3 Adalah menjadi satu kewajipan mandatori untuk anda mengemukakan Maklumat kepada kami jika anda berminat untuk menyertai tawaran arahan kerja atau sebutharga. Jika anda enggan mengemukakan dan tidak membentarkan Maklumat anda digunakan bagi tujuan-tujuan yang telah dinyatakan, ia boleh menghalang anda untuk menyertai sesuatu

tawaran arahan kerja atau sebutharga kami yang mana pihak kami tidak bertanggungjawab dan tidak dipertanggungjawabkan sekiranya perkara tersebut berlaku.

### **3. Penzahiran Maklumat**

- 3.1 Kami tidak akan menzahirkan Maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan setelah kami mendapat persetujuan dan kebenaran anda.
- 3.2 Anda juga bersetuju bahawa kami dibenarkan untuk berkongsi Maklumat anda di kalangan kumpulan anak syarikat KEJORA yang diberi kuasa (yang telah bersetuju untuk menyimpan Maklumat secara sulit) dalam menjalankan transaksi perolehan kerajaan tetapi hanya di dalam keadaan di mana perkongsian Maklumat tersebut mematuhi undang-undang dan berdasarkan polisi dan prosedur kami.
- 3.3 Dari masa ke semasa, sekiranya kami melaksanakan perjanjian dengan pembekal perkhidmatan (pihak ketiga) bagi tujuan penyediaan perkhidmatan kepada kami. Di bawah perjanjian ini, kami akan hanya memberikan Maklumat anda sekiranya diperlukan untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan. KEJORA akan menetapkan bahawa pembekal perkhidmatan tersebut perlu melindungi kerahsiaan Maklumat dan tidak menggunakan baginya bagi tujuan yang lain. Melalui penggunaan laman web ini, anda adalah dianggap bersetuju untuk penggunaan Maklumat dalam Klausus 2 dan penzahiran Maklumat yang dinyatakan dalam Klausus 3 ini.
- 3.4 Sebagai contoh, kami memerlukan pembekal perkhidmatan untuk:
  - (i) Menaiktaraf capaian ke atas sistem ePRO3.0;
  - (ii) Menjalankan penyelidikan dan menganalisis data bagi tujuan penambahbaikan sistem ePRO3.0.
  - (iii) Pengujian ke atas sistem ePRO3.0 bagi keperluan audit.

3.5 Tanpa mengira peruntukan di dalam Polisi Privasi, kami boleh menzahirkan Maklumat anda kepada pihak ketiga sekiranya penzahiran tersebut:

- (i) mematuhi apa-apa perintah penghakiman atau keperluan undang-undang.
- (ii) atas arahan atau dibenarkan oleh anda; atau (iii) dibenarkan oleh undang-undang.

#### **4. Keselamatan Maklumat**

4.1 KEJORA komited untuk memastikan Maklumat anda dilindungi. Kami mempunyai prosedur fizikal, teknikal dan pentadbiran yang bersesuaian untuk melindungi Maklumat anda daripada hilang, disalahgunakan atau diubah.

4.2 Kami akan sedaya upaya akan memastikan semua privasi Maklumat disimpan dengan selamat. Walau bagaimanapun, kami tidak menjamin Maklumat anda tidak akan didedahkan dalam cara yang tidak konsisten dengan Polisi Privasi ini disebabkan oleh perbuatan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh pihak ketiga.

#### **5. Penyimpanan Maklumat**

5.1 Maklumat anda akan disimpan di dalam ‘server’ dan di tempat penyimpanan yang sesuai yang disediakan oleh kami.

5.2 Tempoh penyimpanan Maklumat anda adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis dokumen dan disimpan mengikut polisi dan prosedur penyimpanan rekod kami.

#### **6. Ketepatan Maklumat**

6.1 Kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan Maklumat anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

6.2 Anda diminta untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan Maklumat yang anda zahirkan dan kongsikan dengan kami. Sila kemaskini dan maklumkan secara bertulis tentang sebarang perubahan Maklumat anda.

6.3 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Maklumat anda, sila hubungi kami di talian **07-8843000 sambungan 3076/3079** atau emel di nombor dan alamat yang dinyatakan dalam Klausula 7.2.

## **7. Pautan Laman Web**

Jika anda membuat pautan ke laman web lain, sila kaji polisi privasi yang relevan yang disiarkan di laman web tersebut. Kami berhak untuk membuat perubahan kepada Polisi Privasi ini dan perubahan tersebut akan dimaklumkan dengan sewajarnya. Penggunaan berterusan perkhidmatan dan laman web dengan alamat <https://eperolehan.kejora.gov.my> oleh anda adalah dianggap sebagai penerimaan anda terhadap pindaan Polisi Privasi.

## **8. Akses kepada Maklumat**

8.1 Anda mempunyai hak untuk mengakses Maklumat anda yang disimpan oleh kami dan membuat permintaan untuk mengemaskini atau membuat pembetulan Maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan.

8.2 Sekiranya anda memohon untuk mengakses Maklumat anda untuk membuat pembetulan atau jika anda ingin menarik balik persetujuan anda bagi pemprosesan Maklumat seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2, anda boleh membuat permintaan secara bertulis kepada alamat berikut:

Bahagian Kewangan  
Unit Perolehan  
Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Jalan Dato' Haji Hassan Yunos

81930 Bandar Penawar

**JOHOR DARUL TAKZIM**

No Telefon : **07-8843000 sambungan 3176/3079**

Faks : **07-8221600**

Bantuan Teknikal : 012-7675133 (Encik Arman Bin Parjo)

Email : [eperolehan@kejora.gov.my](mailto:eperolehan@kejora.gov.my)